

Ekonomi Melayu: Usaha perlu diteruskan selepas tahun 1990

LONDON, Isnin — Usaha kerajaan meninggi-kan taraf ekonomi orang Melayu perlu diteruskan walaupun lepas tahun 1990, iaitu tahun matlamat Dasar Ekonomi Baru, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kata beliau, orang Melayu masih belum mencapai taraf setanding dengan orang-orang lain dan usaha itu mesti diteruskan.

"Mungkin bukan dengan cara yang sama, tetapi ia hendaklah diteruskan," kata beliau ketika berucap kepada ahli-ahli Umno di satu jamuan teh, Sabtu lalu.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, pemimpin-pemimpin Umno masa depan perlulah melaksanakan tugas ini kerana pemimpin-pemimpin sekarang akan mengundurkan diri satu hari nanti.

Dari SAAD HASHIM

Perdana Menteri berkata, seluruh ahli Umno hendaklah sedar akan masa depan negara dan bangsa, tetapi hasrat ini bukanlah hendak meneken sesiapa.

"Itu bukanlah niat kita. Tetapi setiap bangsa punya hak hidup dengan penuh maruah supaya tidak ada siapa yang akan memandang rendah kepada kita. Itu sahaja yang kita mahu.

"Bukan kita hendak suh-ruh orang bukan Melayu datang merangkak menicum kaki kita, dan kita tidak hendak buat macam itu kepada mereka.

"Kita mestilah berusaha supaya kita dihormati. Inilah yang selalu saya perkatakan, iaitu kita hendak wujudkan satu masyarakat yang kita ini dihormati," kata Dr Mahathir.

Tambah beliau, Umno bukanlah diwujudkan untuk Datuk Onn, Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn atau beliau sendiri.

"Umno adalah satu alat bagi orang Melayu mempertahankan diri. Itu sahaja yang kita hendak," ujar beliau.

"Kita bukan hendak gunakan Umno untuk menindas orang lain. Umno menjadi satu senjata kepada orang Mela-

yu mempertahankan diri sementara usaha dibuat mendidik orang-orang Melayu supaya setanding dengan orang lain," ujar beliau lagi.

"Kita orang Melayu boleh bertanding dengan orang lain dalam semua bidang. Kita mahu supaya kita kuat sebab dengan cara itulah sahaja kita akan dihormati."

"Kita mesti menguasai segala teknologi di semua bidang. Semua ini dituntut oleh Islam. Ia adalah sebahagian daripada ibadat," kata Dr Mahathir.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia